

BAB V

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Setelah melakukan peneletian kepada semua objektif kajian yang utamanya ialah menganalisis dan membandingkan metode penulisan Hadith antara M.Q. Shihab pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*, maka pada bab penutup ini penulis akan merumuskan beberapa kesimpulan sebagai hasil kajian yang telah dicapai. Di samping itu, selain menyenaraikan bibliografi, pada bab ini juga akan dikemukakan saranan dan cadangan kepada peneliti seterusnya bagi menyempurnakan kajian ini.

5.2 Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, dapat dirumuskan bahawa penulisan Hadith dalam kitab tafsir bahasa Melayu telah dilakukan oleh para mufassir sama ada mufassir Melayu terdahulu mahupun mufassir Melayu kontemporari. Hadith-Hadith tersebut digunakan untuk mentafsirkan ayat dan penguat bagi pernyataan. Namun begitu, dari aspek penulisannya Hadith-Hadith tersebut secara umum belum memenuhi keriteria ilmiah yang baik dan benar. Ini kerana ramai mufassir menyatakan Hadith dalam tafsir mereka tidak mengemukakan sanad dan mukharrij serta sumber rujukannya juga tidak dinyatakan.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 5 metode penulisan Hadith dalam tafsir Bahasa Melayu sebagaimana yang telah penulis huraikan pada perbahasan terdahulu. Metode tersebut yang paling banyak digunakan oleh para mufassir ialah menyatakan Hadith tanpa mengemukakan sanad dan mukharrij. Daripada 14 kitab yang dijadikan sebagai data dalam kajian 6 kitab (43%) di antaranya menggunakan metode ini dan kebanyakan matan Hadith tersebut dinyatakan dalam bentuk terjemahan.

Seterusnya, *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* adalah dua kitab tafsir kontemporari yang dihasilkan oleh dua tokoh Melayu abad ini iaitu M.Q. Shihab di Indonesia dan Abdul Hayei A.S. di Malaysia. Kedua tokoh ini memiliki latarbelakang pendidikan yang berbeza tetapi mempunyai keahlilan yang sama dalam mentafsirkan al-Qur'an. Kitab *Tafsir al-Mishbāh* telah disiapkan oleh pengarang sebanyak 15 jilid mentafsirkan al-Qur'an lengkap 30 juzuk. Manakala *Tafsir Pedoman Muttaqin* masih dalam peroses penyelesaian dan dijangka akhir penulisannya pada tahun 2022.

Dalam menghuraikan ayat al-Qur'an, kedua pengarang sama-sama menjadikan ayat al-Qur'an dan Hadith sebagai asas dalam pentafsiran. Namun demikian, pentafsiran al-Qur'an secara rasional lebih dominan berbanding dengan pentafsiran al-Qur'an dengan al-Qur'an dan Hadith. Selain itu, kebanyakan ayat-ayat dan Hadith-Hadith yang dibawakan oleh kedua pengarang digunakan sebagai dalil bagi pernyataan bukan mentafsirkan ayat secara langsung. Oleh yang demikian penulis berkesimpulan *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* lebih dekat kepada *Tafsīr Bi al-Ra'y* bukan *Tafsīr Bi al-Ma'thūr*.

Melalui kajian yang dijalankan terdapat enam metode penulisan Hadith yang telah dihasilkan oleh M.Q. Shihab pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Empat metode yang pertama sama-sama digunakan oleh kedua pengarang iaitu menyatakan Hadith dengan mengemukakan sanad dan mukharrij, menyatakan Hadith dengan mengemukakan sanad tanpa mukharrij, menyatakan Hadith dengan mengemukakan mukharrij tanpa sanad dan menyatakan Hadith tanpa mengemukakan sanad dan mukharrij. Manakala dua metode yang terakhir iaitu menyatakan Hadith tanpa mengemukakan sanad dan mukharrij dan menyatakan Hadith secara isyarat dengan mengatakan “dalam sebuah Hadith Rasulullah s.a.w. bersabda” hanya digunakan oleh M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh*. Inilah di antaranya perbezaan antara kedua pengarang dalam menyatakan Hadith di dalam tafsir mereka.

Perbezaan paling ketara antara keduanya dapat dikesan ketika menuliskan matan Hadith. Abdul Hayei A.S. dalam tafsirnya menyatakan matan Hadith dalam bentuk bahasa Arab dan terjemahnya sekaligus. Manakala M.Q. Shihab menyatakan matan secara umum dengan terjemahan sahaja. Pada objektif kajian hanya tiga matan Hadith dinyatakan beliau dengan bahasa Arab. Selain itu, Abdul Hayei A.S. mengemukakan maklumat takhrij secara sederhana meliputi nama pengarang kitab, kitab dan bab serta bilangan Hadith. Pada akhir perbahasan beliau mengemukakan fahrasat Hadith bagi memudahkan carian terhadap Hadith-Hadith yang digunakan. Perkara ini merupakan keistimewaan Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* dari aspek penulisan Hadith.

Berkenaan dengan penggunaan Hadith, M.Q. Shihab dan Abdul Hayei A.S. sama-sama menggunakan Hadith dalam tafsirnya masing-masing sebagai penjelas terhadap ayat dan dalil bagi pernyataan. Penggunaan Hadith sebagai penguat pernyataan lebih banyak berbanding dengan penggunaannya sebagai penjelas terhadap ayat. Sedangkan *Sharḥ al-Hadīth* dalam dua kitab tersebut tidak menjadi isu perbincangan utama sehingga kelihatan tidak menonjol. Namun begitu, masih terdapat beberapa Hadith syarahnya dikemukakan oleh kedua pengarang mengikut keperluan ketika mentafsirkan ayat.

Berdasarkan hasil kajian, Hadith-Hadith yang terdapat pada *Sūrah al-Baqarah* di dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* ternyata tidak semuanya dalam kategori *maqbūl* (sahih dan hasan) tetapi ada juga yang *mardūd* (da’if dan mawdu’) walaupun bilangannya amat sedikit. Hadith dalam kategori *mardūd* semestinya tidak digunakan dalam mentafsirkan al-Qur'an walaupun dengan tujuan untuk memudahkan kefahaman apatahlagi jika Hadith tersebut sampai keperingkat mawdu’. Perkara ini perlu diperhatikan oleh setiap mufassir agar al-Qur'an benar-benar terhindar daripada riwayat-riwayat yang sumbernya tidak jelas.

Hadith *maqbūl* pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* terdapat sebanyak 84.5% (Sahih : 33 Hadith=82%, Hasan : 1 Hadith=2.5%) dan dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* sebanyak 95% (Sahih : 34 Hadith=85%, Hasan : 4 Hadith=10%). Manakala Hadith *mardūd* pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* terdapat 15.5% (Da’if : 5 Hadith=13%, Mawdu’ : 1 Hadith=2.5%) dan 5% (Da’if : 1 Hadith=2.5%, Mawdu’ : 1 Hadith=2.5%) dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*.

Selain itu, kepastian hukum Hadith-Hadith dalam dua kitab tersebut tidak dapat diketahui dengan mudah melainkan dengan penyelidikan yang mendalam dan mujahadah yang tinggi dari para pengkaji. Ini bukan sahaja kerana hukumnya tidak dijelaskan oleh kedua pengarang tetapi juga disebabkan adanya Hadith dinyatakan tanpa sanad dan mukharrij serta sumbernya tidak dikemukakan. Malah masih ada Hadith yang dinyatakan secara isyarat tanpa mengemukakan sanad dan matan apatah lagi hukumnya. Sudah pasti keadaan seperti ini akan mengakibatkan kesukaran kepada para pengkaji untuk merujuk Hadith-Hadith tersebut kepada sumber aslinya.

Walau bagaimanapun, *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* merupakan dua karya yang baik dalam menghuraikan al-Qur'an. Sekalipun terdapat kelemahan di dalamnya dari segi penulisan Hadith menurut penulis tidaklah mengurangi kehebatannya sebagai kitab tafsir bahasa Melayu yang telah berjaya mentafsirkan al-Qur'an secara mendalam dengan bahasa yang mudah difahami.

5.3 Saranan dan Cadangan

Pengkaji ingin memberikan beberapa saranan dan cadangan untuk perbaikan kepada kitab *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* terutama berkaitan dengan penulisan dan hukum Hadithnya sebagai tindak lanjut kepada kajian ini. Di antaranya ialah sebagai berikut :

1. Para pelajar dan sarjana diharapkan membuat kajian secara menyeluruh tentang metodologi penulisan Hadith dan takhrijnya dalam kitab-kitab tafsir atau pun karya lain yang telah dihasilkan oleh ulama Melayu dan

memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang terdapat di dalamnya mengikut keperluan dan persekitaran semasa.

2. Diharapkan kepada Institusi-Institusi Islam agar menggalakkan para pelajar mengkaji kitab tafsir dan Hadith yang telah dihasilkan oleh ulama Melayu sama ada yang telah diterbitkan atau yang belum diterbitkan.
3. Pengarang *Tafsir al-Mishbāh* sebaiknya mencantumkan *Takhrij al-Hadīth* yang baik dan matan Hadithnya hendaklah dinyatakan dalam bentuk Bahasa Arab agar para pembaca lebih mudah mempastikan Hadith-Hadith tersebut kepada sumber aslinya.
4. Kitab *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* perlu dikaji lebih mendalam berkaitan dengan metodologi pentafsiran *Bi al-Ma'thūrnya*, apakah merujuk kepada kitab-kitab utama dalam kategori *Bi al-Ma'thūr* atau malah mengutamakan pendapat sendiri.
5. Memandangkan kosa kata (mufradat) dan munāsabah adalah di antara ciri khas *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin*, maka perlu ada kajian lebih lanjut tentang metode ini dan membawakan rumusan tentangnya.
6. Kitab *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* sebaiknya dikaji secara mendalam dan menyeluruh terutama berkenaan dengan Hadith-Hadith yang digunakan oleh pengarang agar Hadith-Hadith tersebut dapat dipastikan apakah dalam kategori *maqbūl* atau *mardūd*.
7. Kitab *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* hendaklah dimiliki oleh umat Islam di Alam Melayu Nusantara khususnya bagi para pelajar yang berkeinginan mendalami ilmu tafsir dan al-Qur'an.

Pada akhirnya, semoga kajian yang sederhana ini mendapat taufik serta keredaan dari Allah s.w.t. dan bermanfaat kepada generasi yang akan datang dalam menghayati dan menyelidik hasil karya ulama terutama karya ulama di Alam Melayu. Kepada para pembaca yang sudi memberikan komentar bagi penambahbaikan tulisan ini amat dihargai dan penulis mengucapkan ribuan terima kasih.